

09 AUG 1997

AGONG UCAP TAHNIAH KEPADA PRESIDEN ECUADOR

KUALA LUMPUR, 9 Ogos (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah mengirinkan perutusan tahniah kepada Presiden Fabian Alarcon Rivera, Ecuador sempena sambutan ulang tahun ke-167 Hari Kemerdekaan negara itu.

Kenyataan Wisma Putra hari ini berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga mengirinkan perutusan tahniah kepada Rivera.

Dalam perutusannya Dr Mahathir berkata beliau gembira dengan hubungan yang semakin meningkat antara kedua-dua negara. Beliau yakin hubungan itu akan dapat diperkukuhkan lagi pada masa akan datang.

Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Badawi dalam perutusan kepada rakan sejawatannya Dr Jose Ayala Lasso berharap hubungan baik yang wujud antara kedua-dua negara akan dipertingkatkan menerusi interaksi yang lebih banyak di kalangan penduduk dari pelbagai sektor. -- BERNAMA

HAK NN NMO